



PEREKA LOGAM HALUS SEBAGAI SATU
KERJAYA

SITI HASNIZA BINTI HUSAIN
97350278

FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
SHAH ALAM SELANGOR D.E.

SESI 2001

KANDUNGAN

MUKA SURAT

Halaman Pemeriksa	i
Penghargaan	iy
Sinopsis	v-yi
Tujuan	vii
Methodologi / Kaedah Kajian	viii-ix
Skop Kajian	x
Senarai Ilustrasi	xi-xv

BAB 1

1.1 Definasi Pereka	1-2
1.2 Definasi Pereka Logam Halus	3-4
1.3 Institusi Pengajian Seni Logam Halus	5-9
1.4 Majlis Reka Bentuk Malaysia (MRM)	10
1.5 Agensi Menawarkan Pekerjaan	11

BAB 2

2.1 Peranan Pereka Logam Halus	12-15
2.2 Kemajuan Kerjaya Pereka Logam Halus Tempatan	16-20
2.3 Masa Depan Pereka Logam Halus	21-23
2.4 Persaingan Pereka Logam Halus	24-25
2.5 Cetusan Ide Dan Permasalahan	26-29

PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahiwabarakatuh.

Alhamdulillah segala puji-pujian hanya kepada Allah S.W.T serta salam buat junjungan Nabi Muhammad S.W.T. Ucapan rasa syukur kepada Allah S.W.T kerana dengan izinNya tesis ini dapat dihasilkan sepenuhnya seperti mana yang ada.

Tanpa bantuan dan pertolongan dari mana-mana pihak mungkin saya tidak dapat menyediakan tesis ini dengan baik. Dikesempatan ini ucapan ribuan terima kasih ditujukan kepada yang dihormati Prof. Madya Encik Alias Yusof selaku penasihat tesis serta merangkap Ketua Kursus Jabatan Seni Reka Logam Halus kerana banyak membantu saya dari segi teguran, nasihat, galakan, dan bimbingan dalam menyelesaikan tesis ini dengan sempurna. Penghargaan yang tidak terhingga jua diucapkan kepada individu yang terlibat dalam menyempurnakan tesis ini terutamanya kakitangan Habib Jewels, Aseana, The Carat Club, Poh Kong, Majlis Reka Bentuk Malaysia, dan tidak lupa juga untuk kawan-kawan seperjuangan.

Tidak lupa juga jutaan terima kasih diucapkan kepada emak dan ayah serta keluarga. Sesungguhnya jasa murni dan khidmat beliau amatlah dihargai dan hanya Allah sahaja yang dapat membalasnya.

SINOPSIS

Pereka boleh didefinisikan seseorang individu yang menghasilkan ciptaan melalui pemikirannya. Mereka telah membuahkan sesuatu perkara yang tidak pernah dikeluarkan oleh orang lain dengan tujuan memudahkan pengguna dalam melaksanakan kegiatan seharian. Malaysia mempunyai lebih kurang 20000 orang pereka dimana ianya merangkumi beberapa cabang kerjaya sebagai seorang pereka seperti pereka barangan logam, pereka program komputer, pereka fesyen pakaian, dan sebagainya. Biasanya seorang pereka lebih bergerak pantas terhadap terlebih dahulu daripada pengguna dari segi penghasilan sesuatu 'trend' ataupun perubahan fesyen. Dengan kata lain pereka merupakan orang yang utama membawa segala pembaharuan. Sesungguhnya mereka memainkan peranan yang penting dalam membantu membangunkan industri negara supaya terus maju dan meningkat dari masa ke semasa.

Penulisan tesis ini lebih menekankan kepada kerjaya sebagai seorang pereka logam halus. Pereka logam halus ialah orang yang bertanggungjawab menghasilkan rekaan yang berkaitan dengan produk berasaskan logam terutamanya pereka yang membuat rekaan untuk barang kemas dan 'wares'.

Tanpa disedari negara kita mempunyai beberapa orang pereka logam halus yang telah berjaya dalam bidang kerjayanya. Mereka pernah menerima beberapa buah anugerah hasil dari mencipta rekaan-rekaan

TUJUAN

Penulis memilih tesis yang berjudul "Pereka Sebagai Suatu Kerjaya" kerana keinginan untuk mengetahui secara lebih mendalam mengenai kerjaya bidang yang dipelajari. Disamping itu dengan menghasilkan tesis ini dapat mengetahui lebih lanjut berhubung dengan kerjaya sebagai seorang pereka logam halus untuk memudahkan pereka bersedia dari sekarang untuk mengikuti kerjaya ini suatu masa nanti.

Penghasilan tesis ini juga memberi peluang penulis bertemu dengan beberapa orang pereka logam halus yang popular dengan memenangi banyak anugerah dalam pertandingan dan pereka yang telah lama berkecimpung dalam kerjaya sebagai pereka logam halus.

Maklumat-maklumat yang dikumpul adalah bertujuan untuk mengemukakan bahawa kerjaya sebagai pereka logam halus mempunyai keistimewaannya tersendiri dan mempunyai peluang yang cerah untuk diceburi.

Siapnya tesis ini akan memudahkan para pelajar dari jabatan seni reka logam halus dapat membuka pandangan mereka kepada kerjaya yang bakal mereka lalui suatu hari nanti dan semoga mereka menjadikan kursus yang diuutinya suatu minat terutamanya pelajar dalam tahun satu dan generasi akan datang.